

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Banteras bisnes ali baba

Kerajaan rangka dasar kekang kerugian kepada negara

Oleh NURHIDAYAH HAIROM  
KUALA LUMPUR

Kerajaan sedang merangka dasar anti ali baba (*rent-seeking*) bagi menangani kesan negatif budaya itu yang telah menyebabkan negara kerugian berbilion ringgit setiap tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diadakan pada Isnin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, budaya ali baba memberi dampak negatif kepada ekonomi dan kerajaan serius untuk menangani dan membasmi aktiviti tersebut.

"Anggaran kerugian mencecah sekitar satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan melibatkan aspek perolehan, perlesenan,

pemberian permit dan kuota serta pemberian subsidi dan geran. "Kementerian Ekonomi dan Jabatan Peguam Negara, dengan penglibatan kementerian bersama agensi kerajaan akan mengkaji dan merangka dasar serta strategi perundangan yang bersesuaian untuk membanteras aktiviti *rent-seeking* sebelum membentangkan cadangan kepada Jemaah Menteri," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Berdasarkan KDNK negara lebih RM1.8 trilion pada 2022, nilai satu peratus kerugian akibat kegiatan ali baba adalah kira-kira RM18 bilion setahun.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, istilah ali baba merujuk kepada perusahaan yang menggunakan nama Melayu atau bumiputera tetapi sebenarnya dimiliki atau dijalankan oleh bangsa lain.

Pada 20 Jun lalu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memberitahu kerajaan bakal memperkenalkan satu undang-undang khusus bagi membanteras amalan ali baba dalam kalangan usahawan.

# Banteras bisnes ali baba



FOTO: BERNAMA

Dasar anti ali baba yang mahu diperkenalkan merupakan salah satu inisiatif kerajaan mengekang penyalahgunaan lesen perniagaan yang menyebabkan negara rugi berbilion ringgit setahun.

Menurut beliau, isu ali baba sememangnya sinonim dengan pelbagai projek kerajaan termasuk projek infrastruktur sehingga menyebabkan kualiti penyampaian kemudahan kepada rakyat terjejas.

Katanya, perkara itu juga merebak ke dalam perniagaan kecil apabila lesen perniagaan turut dialihbalkan kepada pendaftar asing, manakala kediaman untuk golongan B40 disewakan semula untuk meraih keuntungan atas angin.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi, Dr Mohd Faisol Ibrahim berkata, budaya ali baba menyumbang kepada peningkatan kos sesuatu aktiviti ekonomi sekali gus akan menjejaskan negara dan rakyat jika tidak dibanteras sehingga ke akar umbi.

Menurut beliau, anggaran kerugian mencecah satu peratus daripada KDNK negara perlu dipandang serius kerana akan mengakibatkan negara menanggung kerugian berlipat kali ganda dalam jangka masa panjang.

"Kekayaan negara akan didominasi sekelompok golongan tertentu sahaja sedangkan sekelompok yang lain perlu berhempas pulas untuk terus kompeten dalam persaingan ekonomi.

"Andaikan perkara ini tidak ditangani secara serius, bayangkan apa yang akan berlaku kepada aktiviti ekonomi negara pada 10 tahun akan datang kerana kegiatan ali baba juga merangsang budaya rasuah dalam persekitaran ekonomi.

"Yang menjadi kerisauan adalah jika kerugian semakin meningkat dan budaya ini semakin sebatik dalam ekonomi negara, itu sangat berbahaya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau menjelaskan, budaya ali baba dalam persekitaran ekonomi negara bukanlah perkara baharu.

Katanya, budaya tersebut menjadikan sekelompok golongan yang mendapat peluang untuk aktiviti ekonomi secara sah, gagal memanfaatkannya.

"Sebaliknya mereka rela memberikan kepada pihak ketiga supaya mereka memperoleh untung dengan mudah tanpa perlu bersusah payah," ujarnya.